

21 NOV 1997

LEAD Mahathir-NEAC

MAJLIS BERTINDAK EKONOMI NEGARA TIDAK AMBIL ALIH PERANAN KABINET

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Majlis Bertindak Ekonomi Negara (NEAC) yang akan ditubuhkan bulan depan ialah badan yang saling bekerjasama dengan kabinet dan bukan mengambil alih peranannya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, walaupun NEAC akan diberi kuasa oleh kabinet untuk membuat keputusan berhubung perkara-perkara yang berkaitan dengan ekonomi negara, ia tetap perlu mengemukakan laporan kepada kabinet dari semasa ke semasa.

"Ini (NEAC) adalah satu jawatankuasa yang sudah tentu tertakluk kepada kabinet walaupun ia dipengerusikan oleh saya sendiri tetapi akan ada anggota-anggota Kabinet yang tertentu dan orang yang mempunyai peranan dalam melaksanakan kempen yang kita adakan.

"NEAC akan membolehkan kerajaan mengambil tindakan serta merta dengan kuasa yang diberi oleh kabinet manakala kementerian-kementerian akan melaksanakan keputusan-keputusan yang dibuat mengikut apa yang dikehendaki oleh majlis itu," katanya pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat khas Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Mesyuarat yang dihadiri kesemua 14 ketua parti-parti komponen BN itu menyokong penuh penubuhan NEAC selepas Majlis Tertinggi (MT) Umno semalam menyatakan sokongan penuh kepada majlis itu yang ditubuhkan dengan tujuan bagi mengatasi kesan kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham kepada ekonomi negara ini.

Semasa mengumumkan penubuhan NEAC malam tadi, Dr Mahathir berkata, ia adalah pendekatan yang pernah digunakan kerajaan semasa darurat berikutan peristiwa berdarah 13 Mei 1969 yang mana negara telah diletakkan di bawah Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, penubuhan NEAC tidak melibatkan sebarang perisytiharan darurat melainkan memusatkan segala urusan pentadbiran ekonomi negara di bawah majlis itu yang akan beliau pengerusikan sendiri.

Ketika diminta penjelasan lebih lanjut oleh pemberita mengenai NEAC hari ini, Dr Mahathir berkata: "Tidak ada percanggahan (dengan peranan kabinet) kerana kita telah biasa mengadakan badan seperti ini."

"Walaupun semasa MAGERAN dulu, kabinet seolah-olah tidak ada peranan, tetapi ia juga ada berfungsi," katanya.

Sambil mengulangi bahawa masih terlalu awal untuk beliau memperjelaskan secara terperinci mengenai NEAC, Dr Mahathir berkata, ia akan dianggotai menteri-menteri yang portfolio mereka ada kaitan dengan ekonomi dan pakar-pakar dalam bidang itu.

Katanya, antara anggota kabinet yang terlibat dalam majlis itu ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Menteri Perusahaan Utama dan Menteri Sumber Manusia.

"Kerap kali menteri-menteri berkenaan akan ada sama dalam NEAC. Jadi tak ada percanggahan. Bagaimanapun, saya sendiri sebagai pengerusi kabinet akan berada bersama.

"Dari sektor swasta pula kita tentu hendak orang daripada bidang pembuatan, eksport, perbankan, kewangan. Kita belum pilih lagi tapi kemungkinan orang ini akan ada," katanya.

Mengenai hasil mesyuarat Dewan Tertinggi BN, Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN berkata, kesemua pemimpin parti-parti komponen telah memberi pengakuan bahawa mereka akan mengambil tindakan-tindakan yang diperlukan bagi menangani kesan kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham terhadap ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata, para pemimpin BN telah diminta supaya memberi penjelasan kepada anggota masing-masing mengenai apa yang perlu mereka buat sebagai rakyat untuk memastikan usaha memulihkan semula ekonomi negara menerusi tindakan-tindakan NEAC mencapai matlamatnya.

"Saya yakin kempen yang akan kita adakan ini akan memberi kesan, dapat dilaksanakan dengan penuh tertib, disiplin dan selaras mengikut apa yang telah ditentukan oleh kita," kata Dr Mahathir.

Beliau juga ditanya mengenai nasihat beliau kepada rakyat Malaysia berikutan reaksi negatif Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan nilai ringgit yang terus jatuh walaupun kerajaan telah berkali-kali memberi jaminan bahawa asas ekonomi negara masih kukuh.

"Nasihat saya kepada rakyat Malaysia ialah mereka harus mempunyai kepercayaan kepada ekonomi mereka sendiri. Kalau mereka terbawa-bawa dengan tindakan orang lain, akhirnya mereka akan rugi," katanya. -- BERNAMA

AH ZAB PR WAT